

Headline	KPTM sedia RM21.2 juta biayai tenaga pengajar		
Date	25. Sep 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	17
Section	Pendidikan	Article Size	140 cm²
Circulation	217920	Frequency	Daily
Readership	2083000	Color	Full Color
		AdValue	



KPTM sedia RM21.2 juta biayai tenaga pengajar

KOLEJ Poly-Tech Mara (KPTM) memperuntukkan RM21.2 juta untuk membayai pengajian tenaga pengajarnya menerusi Skim Tenaga Tindikan Pengajar Mara yang diwujudkan tahun ini.

Daripada jumlah itu, RM5.32 juta untuk mempertingkat ke-layakan akademik pensyarah sedia ada, RM13.3 juta (graduan cemerlang) dan RM2.6 juta lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Rektor KTPM, Datuk Dr Mohd Razali Agus, berkata dua pensyarah kolej berkenaan akan melanjutkan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Putra Malaysia.

Katanya, mereka ialah Roziyah Darus (Sains Komputer) dan Aznizai Mohamad (Perakaunan), manakala seorang lagi Nurhidayah Azmy (Kejuruteraan Awam) di Iowa States University, di Amerika Syarikat.

"KTPM juga akan menghantar tujuh graduan cemerlang dan seorang tenaga pengajar mengikuti pengajian peringkat sarjana di Coventry University, United Kingdom,

"Mereka ialah Nor Rosliza

Manaf, Nur Zahdi Mohd Nor Aldin, Khairul Azhar Khalid, Nur Hazwani Dzulkefly, Adam Shukry Ali, Nor Azura Salleh@ Omar, Nisrin Ishak dan Rosnida Mamat," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, semua pelajar berkenaan mendapat tajaan penuh KTPM bertujuan menampung kekurangan pensyarah khususnya dalam bidang Sains Komputer, Multimedia, Kejururawatan, Kejuruteraan, Perakaunan dan Bahasa Inggeris.

Mohd Razali berkata, pihaknya akan mewujudkan dana sendiri bagi menampung kos perbelanjaan yang semakin meningkat.

"Kami juga dalam proses mengadakan program pengajian sendiri, selain menambah program kerjasama dengan universiti luar negara.

"Setakat ini, KTPM Kuala Lumpur mengadakan kerjasama dengan University Coventry dan kami merancang bekerjasama dengan sebuah universiti di Australia dan New Zealand.

"Sasaran kami supaya setiap kampus mempunyai rakan universiti di peringkat antarabangsa," katanya.